

04 SEP 1998

Sabbaruddin-Umno

SINGKIR DARI PARTI BUKAN PERKARA BARU, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata penyingkiran seorang pemimpin Umno bukanlah perkara baru malah pernah dilakukan sebelum ini.

"Singkir dari parti bukan perkara yang tak pernah dibuat. Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiripun pernah disingkir dari parti.

"Cuma bezanya PM semasa disingkir dia tak diberi peluang untuk mempertahankan dirinya. Yang ini (Datuk Seri Anwar Ibrahim), dia disingkir dan diberi peluang mempertahankan dirinya. Dia diberi peluang yang panjang untuk bercakap," katanya ketika ditanya pemberita mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno awal pagi tadi yang sebulat suara memutuskan untuk memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti.

Sabbaruddin sebelum itu merasmikan pembukaan Hotel Sun Inns di Bandar Sunway.

Beliau juga berkata semua pemimpin Umno dari peringkat atas hinggalah ke peringkat bahagian dan cawangan bertanggungjawab kepada semua anggota untuk menenangkan keadaan.

"Tak mungkin semua (anggota) faham (dengan tindakan MT). Tetapi yang pentingnya dalam mana-mana parti, seorang tidak dapat membentuk sebuah parti, tetapi semuanya," katanya.

Sabbaruddin juga berkata seseorang yang telah dipecat boleh memohon menjadi anggota semula selepas tiga tahun.

Ketika ditanya adakah kekosongan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Disiplin parti yang dipegang oleh Anwar sebelum ini akan diisi, beliau berkata beliau tiada kuasa menentukannya.

"Tidak semestinya jawatan Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dipegang oleh Timbalan Presiden sahaja. Orang lainpun boleh tapi saya tak tahulah kalau nak lantik," katanya.

Ketika ditanya sama ada akan diwujudkan satu jawatankuasa khusus bagi menyiasat dakwaan-dakwaan yang dihadapi oleh Anwar seperti rasuah dan hubungan seks, beliau berkata: "Tuduhan-tuduhan itu adalah kerja polis dan mahkamah, bukan kerja kita."

-- BERNAMA

NZ KHY